

Tegar Negara: Mengakar Naratif Siasah dan Bangsa

Pengarang:

Ku Hasnan bin Ku Halim

E-mel:

hasnan@uthm.edu.my¹

Abstrak: Buku kecil ini mengetengahkan isu-isu penting berkaitan pembinaan bangsa, patriotisme dan semangat cintakan tanah air. Ia menekankan bahawa pembentukan negara yang kukuh tidak boleh dipaksakan, sebaliknya perlu diasaskan atas komitmen sukarela, kefahaman ideasional, serta prinsip keadilan seperti federalisme, autonomi dan perlindungan hak-hak minoriti. Penulis menolak konsep majoriti-minoriti dalam usaha membina bangsa yang kohesif. Patriotisme pula tidak seharusnya terhad kepada simbol semata-mata, sebaliknya harus dizahirkan melalui tindakan dan sumbangan nyata demi negara. Kepercayaan rakyat terhadap pemerintah juga menjadi teras kejayaan sesebuah negara. Buku ini ditulis dengan iltizam untuk berkongsi pengetahuan dan membangkitkan kesedaran dalam kalangan pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat. Ia sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan ilmiah bagi pelajar serta pencinta tanah air, demi menyemarakkan rasa jati diri dan semangat kebangsaan di bumi Malaysia tercinta.

Kata kunci: pembinaan bangsa, semangat cintakan tanah air, prinsip keadilan



Tegar

NEGARA

MENGAJAR NARATIF SIASAH dan BANGSA

KU HASNAN KU HALIM



Penerbit
UTHM

Tegar **NEGARA**

MENGAJAR NARATIF SIASAH dan BANGSA

KU HASNAN KU HALIM



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti

Penulis:
Ku Hasnan Ku Halim

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/8698

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4, Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
No. Tel: 03-89390660



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-204-6



Isi Kandungan

Singkatan vii

Prakata ix

»	Machiavelli: Matlamat Halalkan Cara	1
»	Politik: Entiti Sebuah Negara	19
»	Politik: Teori dan Praktik	41
»	Politik: Pengaruh, Autoriti dan Kuasa	53
»	Ideologi-lsme Politik	61
»	Budaya Politik	81
»	Kepimpinan Politik: Jalur Merdeka Mengarah kepada Tuntutan Modernisme	87
»	Feudalisme: Mengakar Naratif Jalur Budaya Politik Melayu	99
»	Dinamisme Budaya Politik Semenanjung Tanah Melayu	127

Sinopsis 143

Bibliografi 145

Biografi 151

Indeks 153



Prakata

Menulis untuk insan, menulis untuk masyarakat, menulis untuk rakyat makanya buku kecil ini juga ditulis bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu yang dikira mampu untuk diangkat dalam wacana ilmiah. Topik-topik semasa yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan masyarakat umum pelbagai peringkat yang mencintai dan kasih kepada negara Malaysia. Ilmu adalah kuasa dan kurniaan yang tidak dapat dirampas dengan sewenang-wenangnya. Biarlah hasil penulisan kita kekal selamanya, dinilai oleh sejarah, di mana kebenaran akan sentiasa mengatasi kebatilan. Ilmu bukanlah jaminan untuk hidup dalam kemewahan, tetapi ia adalah alat untuk membina maruah hidup agar kita tidak ditindas oleh mereka yang bijak pandai. Ilmu juga bukan tiket kepada kemewahan, tetapi ia membolehkan kita menjadi bangsa yang berdaulat agar tidak dijajah lagi. Marilah kita membudayakan amalan menulis walaupun hanya mencatatkan sedikit pengalaman dari kehidupan seharian kita. Kebijaksanaan dan kepintaran tidak membawa erti tanpa bukti melalui penulisan. Walaupun ada yang menganggap usaha ini sukar dan menegangkan, khabar baiknya adalah segala kesukaran itu akan hilang seperti embun yang kering di bawah pancaran sinar matahari.

Segala puji bagi Allah SWT dengan taufik dan hidayah-Nya, buku kecil berjudul "TEGAR NEGARA: MENGAJAR NARATIF SIAHAH DAN BANGSA" ini akhirnya dapat diterbitkan. Buku ini mengetengahkan isu-isu relevan untuk bacaan dan rujukan masyarakat yang mencintai serta menyayangi Negara Bangsa Malaysia. Dunia penulisan memiliki impak yang besar-sepatah kata mampu mengubah dunia. Sebagai seorang penulis amatir, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan dan kerjasama, sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga buku ini



berjaya diterbitkan. Akhir kata, saya berharap buku ini memberikan manfaat kepada para pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah. Sekian.

Semua rencana yang dituliskan di dalam buku ini merupakan pandangan peribadi penulis semata-mata dan tidak mewakili mana-mana pihak.

Ku Hasnan Ku Halim (Pak Ku)



MACHIAVELLI; MATLAMAT HALALKAN CARA



PEMULA PEMUKA PENULISAN

Menurut teori, manusia hanya mula memikirkan tentang negara dan pemerintahan selepas zaman peradaban Yunani Klasik. Sebelum era ini, masyarakat manusia belum lagi memikirkan bagaimana struktur sosial atau negara dapat wujud, apatah lagi tentang undang-undang yang mampu mengawal dan mengatur kehidupan masyarakat. Ketika itu, peraturan untuk mencegah jenayah seperti pembunuhan sesama manusia masih belum difikirkan, sebagaimana yang diutarakan oleh Dorothy Pickles (1984). Walau bagaimanapun, pemikiran tentang negara ini muncul agak lambat dalam kalangan orang Yunani, tetapi hasil pemikiran mereka kekal menjadi bahan rujukan penting dalam kalangan para ilmuwan sehingga kini khususnya di universiti-universiti.

Niccolò Machiavelli, seorang tokoh kelahiran semenanjung Itali, hidup dalam sebuah era yang penuh dengan perubahan dan pergolakan. Kota Florence, tempat kelahirannya pada tahun 1469 dikenali sebagai pusat kelahiran tokoh-tokoh falsafah terkemuka. Machiavelli sendiri muncul sebagai seorang negarawan, penulis politik dan perintis idea-idea baharu yang menonjol. Waktu kelahirannya dianggap sesuai dengan arus perubahan politik yang dinamik, menyaksikan bagaimana kuasa sering bertukar tangan dan sistem politik berubah-ubah dengan pantas. Meskipun pada awalnya, keluarganya berharap beliau menjadi teknokrat atas permintaan bapanya atau ilmuwan agama seperti yang diingini ibunya, perjalanan hidup membawa Machiavelli menjadi seorang politikus praktikal. Idea-idea beliau yang konkrit telah mengundang pelbagai persoalan dan perdebatan hingga hari ini. Semasa pemerintahan Lorenzo Agung, Machiavelli berkhidmat sebagai diplomat Florence ke negara-negara jiran. Dari sinilah semangat patriotiknya berkobar, bukan hanya untuk memastikan kestabilan Florence, tetapi juga dengan impian menyatukan Itali sebagai sebuah empayar Rom yang kuat. Pertemuan dan diskusi bersama Cesare Borgia, seorang putera hasil perkahwinan gelap Pope Alexander VI, telah memberi inspirasi kepada Machiavelli.



POLITIK: ENTITI SEBUAH NEGARA



PENDAHULUAN

Negara (*state*), walau bagaimanapun, mempunyai konotasi yang berbeza daripada kerajaan (*government*). Ruang lingkup negara lebih luas berbanding kerajaan kerana negara merupakan satu pertubuhan persempadanan (*territorial association*) yang di dalamnya terdapat kerajaan sebagai institusi pentadbiran. Ciri-ciri yang membezakan negara daripada kerajaan adalah seperti berikut. Negara bersifat lebih besar dan inklusif berbanding kerajaan. Ini bermaksud, negara biasanya mempunyai perlembagaan dan kod undang-undang yang menjadi kerangka untuk kerajaan beroperasi. Negara meliputi keseluruhan penduduk dan pertubuhan-pertubuhan dalam sempadan yang ditentukan, manakala kerajaan hanyalah sebahagian daripada keseluruhan ini. Kerajaan merujuk kepada pihak yang memerintah negara, misalnya melalui proses pilihan raya. Negara juga merupakan entiti yang berkesinambungan, tetapi kerajaan tertentu bersifat sementara. Demi kelangsungannya, negara memerlukan sebuah kerajaan yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, kerajaan akan bertukar ganti seiring dengan perubahan bentuk kepimpinan dan bentuk kerajaan itu sendiri mungkin mengalami perubahan dari masa ke masa.

Kerajaan boleh didefinisikan sebagai satu entiti yang terdiri daripada satu set institusi politik dan perundangan yang mengatur hubungan dalam kalangan ahli masyarakat sesebuah negara serta hubungan antara masyarakat tersebut dengan pihak luar. Institusi-institusi ini memiliki autoriti untuk membuat keputusan bagi pihak masyarakat, khususnya berkaitan dasar-dasar yang mengendalikan ketertiban dan mencapai matlamat-matlamat tertentu masyarakat. Kerajaan yang ada sekarang dan yang pernah wujud berbeza dari segi saiz dan skop yang terdiri dari yang paling simple seperti klan-klan (*clans*), kumpulan-kumpulan (*tribes*) disatu pihak dan kuasa-kuasa besar dan kerajaan antarabangsa sebagaimana yang terdapat pada hari ini di pihak yang lain. Sedikit masa dahulu sesetengah kerajaan mampu muncul sebagai empayar yang memerintah bukan sahaja warga



POLITIK : TEORI DAN PRAKTIK



PENDAHULUAN

Teori dalam sains sosial, termasuk sains politik, berbeza dengan teori dalam sains tulen. Tidak semua teori sains sosial bersifat sejagat atau mampu bertahan lama. Sebagai contoh, dalam disiplin sains politik, teori Karl Marx kini tidak lagi diterima oleh pemerintah bekas Soviet Union. Begitu juga dengan teori kependudukan Malthus, seorang ahli ekonomi politik, yang telah disanggah berdasarkan perkembangan kajian regresi moden. Seperti yang dinyatakan oleh Dorothy Pickles, pandangan-pandangan ahli falsafah sains politik sering kali tidak bertahan lama, kerana generasi seterusnya akan mengubah atau menggantikan pandangan tersebut. Dalam konteks disiplin sains politik, terdapat pelbagai pendekatan untuk mengkajinya. Ia boleh dikaji melalui pendekatan budaya, yang merangkumi aspek sejarah, sosiologi, psikologi, dan ekonomi. Selain itu, sains politik juga mempunyai cabang-cabang disiplin seperti pentadbiran, sains dasar dan dasar awam. Sains politik yang tulen lebih menekankan konsep-konsep atau teori-teori yang diasaskan oleh ahli fikir politik, dari zaman Socrates, Plato dan Aristotle sehingga zaman Islam, Barat dan era moden. Konsep-konsep seperti negara, bangsa, kerajaan, kedaulatan, kuasa, autoriti, hegemoni, pengaruh, demokrasi, komunisme, totalitarianisme, monarki, republik dan populisme sering kali menjadi asas dalam kajian sains politik.

Selain itu, sains politik juga boleh dikaji melalui isu-isu semasa dalam masyarakat. Apabila isu ekonomi atau sosial menjadi tumpuan masyarakat, politik berperanan menentukan siapa atau pihak mana yang berpotensi menyelesaikan isu tersebut. Sains politik cenderung menghuraikan isu-isu ini berdasarkan konsep-konsep atau teori-teori yang ilmiah seperti konflik, kepentingan, elitisme, naungan (*patronage*), kelompok, teori sistem, permainan, dan sebagainya. Sifat dan bentuk politik itu sendiri mengandungi pelbagai falsafah dan konsep yang mencerminkan pandangan ahli fikir dari sudut nilai mereka. Tidak semua ahli fikir politik berkongsi perspektif teori yang sama. Sebagai contoh, seorang ahli falsafah mungkin melihat nilai falsafah sebagai



POLITIK; PENGARUH, AUTORITI DAN KUASA



PENDAHULUAN

Kekuasaan politik merujuk kepada kemampuan atau autoriti seseorang individu atau kelompok untuk mempengaruhi dan mengendalikan kebijakan, keputusan dan tindakan dalam konteks politik. Hal ini melibatkan penggunaan pengaruh, kawalan ke atas institusi politik, dan sering kali bergantung pada legitimasi yang diberikan oleh masyarakat atau lembaga formal. Dalam konteks ini, kekuasaan politik mencakupi elemen-elemen seperti pemilihan umum, institusi pemerintahan, proses pembuatan kebijakan dan interaksi antara penguasa dengan warganegara. Bertrand Russell, seorang sarjana Inggeris, pernah menyatakan bahawa "kuasa adalah satu konsep fundamental dalam sains sosial, sama seperti konsep 'tenaga' yang menjadi teras dalam ilmu fizik" (1938). Dalam kehidupan seharian, hampir setiap individu menghadapi gejala "kuasa" yang sukar dielakkan. Kuasa wujud dalam pelbagai bentuk dan muncul dalam pelbagai situasi kehidupan manusia. Dalam membicarakan persoalan kuasa, terdapat dua istilah lain yang sering dikaitkan dan kadang-kadang digunakan secara bergantian dengannya, iaitu pengaruh dan otoriti. Meskipun ketiga-tiga konsep ini mempunyai kaitan, setiap istilah membawa maksud dan aplikasi yang berbeza. Pengaruh lebih merujuk kepada kemampuan seseorang atau sesuatu pihak untuk membentuk persepsi atau keputusan tanpa paksaan langsung, manakala autoriti merujuk kepada kuasa yang sah dan diiktiraf oleh norma sosial atau undang-undang. Kuasa, pengaruh dan autoriti memainkan peranan penting dalam dinamik politik, baik di peringkat formal mahupun dalam konteks sosial yang lebih luas, menjadikannya elemen penting dalam memahami struktur dan proses politik. Dari segi maksud dan penggunaannya ketiga-tiga konsep yang dinyatakan di atas sebenarnya boleh dibezakan. Para sarjana ilmu politik dan sosiologi telah membahaskan konsep-konsep ini dengan panjang lebar namun tidak semua bersependapat tentang maksud konsep-konsep tersebut. 'Pengaruh' boleh ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang mengubah (atau memodifikasi) perlakuan seseorang yang lain tanpa menimbulkan konflik antara mereka.



IDEOLOGI-ISME POLITIK



PENDAHULUAN

Ideologi merupakan satu konsep yang sememangnya sukar untuk difahami. Sarjana sains politik mempunyai pendapat yang berbeza-beza mengenai definisi dan kepentingan ideologi. Menurut McLellan (1995: 1), "ideology is the most elusive concept in the whole of social science." Hasilnya, pada hari ini ideologi telah dianggap sebagai *essentially contested concept* yang tidak disepakati oleh para sarjana politik (Gallie, 1955.; Connolly, 1993). Buktinya, dalam satu tulisan mengenai ideologi yang telah dijalan sejak tahun 1990-an mendapati lebih enam belas definisi ideologi yang setengahnya bersifat eksklusif (Eagleton, 1991).

DEFINISI IDEOLOGI POLITIK

Secara umum, ideologi bermula dengan satu kepercayaan bahawa sesuatu perkara boleh menjadi lebih baik daripada keadaan asalnya (Roskin et al., 2003: 92). Ball (1997) mendefinisikan ideologi sebagai satu keadaan di mana semua idea politik disusun secara jelas, teratur dan sistematik. Growth (1977) menyatakan bahawa ideologi bersifat ringkas, berpecah-pecah, kompleks dan padu serta mempunyai hubungan dengan aspek politik, ekonomi dan sosial yang berterusan dan meluas pengaruhnya. Manakala Popper (1962) pula menggambarkan ideologi sebagai cara pemikiran politik yang tipikal kepada pergerakan totalitarian. Ringkasnya, ideologi boleh didefinisikan sebagai satu sistem kepercayaan yang digunakan untuk memperbaiki keadaan masyarakat. Ideologi politik merujuk kepada sistem kepercayaan mengenai politik. Menurut David Easton (1953: 129), "A political ideology is, in its simplest formulation, an ideology that focuses on the political. The political system is the way that societies make decisions about their most important values; one scholar defines the political system as 'the authoritative allocation of values' for a society." Gross (1985) pula berpendapat bahawa ideologi politik semakin penting kerana ia telah menggantikan agama sebagai fokus *human liberation* dan *human fanaticism*. Istilah ideologi mula



BUDAYA POLITIK



PENDAHULUAN

Budaya politik sering dianggap sebagai satu matlamat umum bersama dan peraturan yang diterima secara kolektif. Selain itu, budaya politik berperanan penting dalam menganalisis sistem politik. Penekanan terhadap nilai, kepercayaan, dan sikap mengenai cara kerajaan sepatutnya mentadbir serta pelaksanaan sebenar pentadbiran sangat berkait rapat dengan definisi budaya politik. Perubahan sikap dan budaya masyarakat turut mempengaruhi pembentukan sistem politik sesebuah kerajaan. Tidak dinafikan, sebarang pengubahsuaian atau perubahan dalam sistem politik sering didorong oleh tindakan politik. Perbincangan tentang konsep budaya politik sangat relevan dalam sistem politik moden kerana ia dipengaruhi oleh pengalaman masyarakat pada masa lalu. Dalam kajian perbandingan politik, nilai, simbol dan premis masyarakat sering mempengaruhi tingkah laku politik. Penulisan oleh Bagheot dan de Tocqueville menekankan pentingnya nilai, sentimen dan simbol dalam politik British, Perancis, dan Amerika. Menurut Louiz Hartz (1995), ketiadaan tradisi feudal di Amerika Syarikat melahirkan *consensus Locke* yang berpusat pada nilai liberal. Kekurangan kesedaran kelas dan simbol hirarki telah menghalang perkembangan parti konservatif dan sosialis seperti di Eropah. Budaya politik sesebuah masyarakat merupakan produk daripada sikap politik, nilai, perasaan, informasi dan kemahiran yang diperoleh oleh ahli dalam komuniti politik. Ini tercermin dalam ideologi negara, sikap pemimpin politik, tanggungjawab warganegara dan aktiviti politik. Terdapat tiga aspek umum dalam membincangkan budaya politik. Pertama, aspek kognitif, iaitu pengetahuan dan kesedaran terhadap sistem politik. Ia melibatkan pengetahuan dan kepercayaan manusia mengenai sistem politik. Sebagai contoh, jumlah rakyat Malaysia yang memahami struktur politik kebangsaan atau sejauh mana orang Punjab di Malaysia memahami sistem politik tempatan berbanding Republik Bangladesh. Aspek ini juga merujuk kepada kesan pendedahan, perasaan terhadap sistem dan penilaian terhadapnya. Kedua, aspek afektif yang merujuk kepada perasaan manusia terhadap ciri-ciri politik. Sebagai contoh, adakah masyarakat



KEPIMPINAN POLITIK: JALUR MERDEKA MENGARAH KEPADA MODERNISME




PENDAHULUAN

Tulisan mengenai kepemimpinan politik sering melihat dimensi yang lebih luas, bukan hanya membahas tingkah laku pemimpin tetapi juga mengkaji hubungan antara kepemimpinan dan kekuasaan sebagai elemen penting. Kepimpinan bermula daripada pembentukan kelompok dan interaksi pengaruh di kalangan anggotanya. Apabila individu mula mempengaruhi individu lain, kegiatan kepemimpinan muncul, diiringi oleh elemen pengaruh dan kekuasaan dalam kelompok. Hubungan erat antara pengaruh dan kekuasaan merupakan asas kepemimpinan politik. Pemimpin harus memiliki kuasa untuk mempengaruhi individu lain. Tanpa kuasa, pemimpin yang dilantik atau dipilih tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan. Kuasa memberikan legitimasi untuk memenuhi peranan seorang pemimpin. Beberapa epistemologi kepemimpinan telah dibahaskan oleh sarjana Barat dan tempatan.

Menurut Case (1933), kemunculan seorang pemimpin politik bergantung kepada personaliti pemimpin seperti penampilan, imej, perwatakan dan tingkah laku. Tidak semua pemimpin memiliki semua ciri ini secara lengkap. Selain itu, ia juga bergantung pada tabii kelompok dan penerimaan anggota terhadap pemimpin serta reaksi mereka terhadap kepimpinannya. Faktor lain ialah situasi atau peristiwa tertentu yang memerlukan penyelesaian oleh individu yang dipilih sebagai pemimpin. Sebagai contoh, tokoh seperti Mahatma Gandhi dan Nelson Mandela muncul dalam situasi rakyat memerlukan kebebasan. Kepimpinan politik didefinisikan sebagai individu yang memegang kuasa dalam parti, lebih berkuasa daripada yang lain dan berperanan membantu anggota partinya seperti yang dijelaskan oleh Nordin (1978). Legitimasi kuasa memungkinkan pemimpin memenuhi kehendak penyokongnya. Pemimpin dipilih secara bebas oleh pengikutnya berdasarkan kepercayaan terhadap kejujuran, dedikasi dan tanggungjawab pemimpin tersebut. Dalam perspektif sosiologi-antropologi, Geertz (1992) dan Keesing (1989) menyatakan bahawa kepemimpinan penting untuk menstruktur kehidupan masyarakat.



FEUDALISME MENGAJAR NARATIF JALUR BUDAYA POLITIK MELAYU




PENDAHULUAN

Terdapat banyak takrif tentang feudalisme yang diberikan oleh sarjana tanah air dan antarabangsa. Tetapi secara umumnya, terdapat dua takrif yang merangkumi ciri-ciri persamaan dan perbezaan (Ganshof; 1964). Mengikut Ganshof, salah satu takrif itu menekankan bahawa feudalisme adalah bentuk organisasi politik dan sosial yang di dalamnya terdapat kelas atau golongan hulubalang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam hierarki sesebuah masyarakat feudal. Feudalisme juga melibatkan pembahagian hak secara kecil-kecilan atas harta benda yang dimiliki, wujud skala hak individu ke atas manusia yang saling bergantung dan pengagihan kuasa politik antara pemimpin dalam hierarki (merujuk kepada golongan bangsawan dan hulubalang).

Mengikut takrif umum kedua pula, feudalisme ialah sistem hubungan yang bertimbal balas atau bertimbal balik yang berdasarkan ketaatsetiaan antara dua kumpulan manusia yang bebas. Mereka dikenali sebagai satu pihak yang dipanggil *lord* dan satu pihak lagi yang diperintah oleh golongan *lord* yang dikenali sebagai *vassal*. Takrif ini adalah berdasarkan kepada beberapa institusi yang melahirkan dan mengawal tanggungjawab ketaatan masyarakat yang diperintah dan memberi perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan ketenteraan *vassal* kepada *lord* yang dapat memupuk taat setia *vassal* kepada *lord*. Ini adalah sebagai balasan tanggungjawab memberi perlindungan dan pemeliharaan lord terhadap *vassal*nya. Tambahan pula, feudalisme adalah idea yang asas bagi setiap masyarakat amnya, yang menitikberatkan kasta atau khususnya, kedudukan pahlawan. Kelompok manusia sebegini tidak pernah berpuas hati dengan segala pencapaian mereka. Seperti dalam situasi Sparta pada masa lampau, semua *freeman* menjadi pahlawan dan sokongan diperoleh daripada golongan hamba abdi atau buruh Messenia yang dikenali sebagai *helots*.



DINAMISME BUDAYA POLITIK SEMENANJUNG TANAH MELAYU



PENDAHULUAN

Pada umumnya, istilah 'Melayu' dalam Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat resam orang Melayu. Menurut Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2010, orang Melayu merangkumi 63.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia yang berjumlah 28.3 juta orang. Ini bermakna lebih daripada separuh jumlah penduduk di Malaysia terdiri daripada orang Melayu. Sebagai kaum terbesar, masyarakat Melayu telah melalui pelbagai tahap perubahan sosio-politik dan ekonomi bermula dari zaman tradisi, penjajahan, selepas merdeka dan pasca Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Bermula sebagai masyarakat tertutup yang bersifat agraria dengan kegiatan ekonomi sara diri pada zaman tradisi, masyarakat Melayu telah berkembang pesat selepas merdeka dan pasca DEB. Kini, mereka menjadi sebuah masyarakat yang lebih terbuka, terlibat secara langsung dan aktif dalam kegiatan ekonomi moden. Seiring dengan perkembangan masyarakat Melayu, budaya politik mereka juga telah melalui satu proses perkembangan yang panjang. Tahap perkembangannya berubah selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat itu sendiri. Penulisan ini bertujuan untuk mengkaji perubahan yang berlaku terhadap budaya politik Melayu di Semenanjung Malaysia. Perbincangan ini akan meneliti ciri-ciri budaya politik Melayu pada zaman tradisi, zaman penjajahan dan zaman pasca merdeka, serta melihat bagaimana budaya politik itu telah berubah dari segi nilai asas dan orientasi politik.

Bagi tujuan ini, penulisan ini akan meneliti empat tahap yang telah mempengaruhi perkembangan budaya politik Melayu sehingga kini, iaitu pada zaman tradisi, zaman peralihan sebelum merdeka, zaman pasca merdeka dan peralihan DEB serta era DEB. Zaman tradisi memperlihatkan budaya politik yang bersifat feodal dan berkisar kepada institusi raja dan kesultanan. Zaman peralihan sebelum merdeka pula dipengaruhi oleh penjajahan dan perubahan struktur masyarakat. Zaman pasca merdeka dan peralihan DEB menyaksikan



Sinopsis

Manusia tidak boleh disatukan melalui cara paksaan dan pertimbangan instrumental untuk jangka masa yang panjang. Perikatan perlu dijalankan secara sukarela dan berdasarkan kepada komitmen ideasional. Pilihan-pilihan dasar seperti federalisme, autonomi dan perlindungan hak-hak minoriti perlu dikaji untuk menangani semua isu-isu berbangkit yang ditimbulkan oleh pelbagai komuniti. Matlamat paling unggul ialah mencipta negara dan bangsa di mana tidak wujud kumpulan majoriti dan minoriti. Perbezaan majoriti-minoriti adalah sesuatu yang bertentangan sama sekali dengan pembinaan bangsa yang kohesif.

Sesungguhnya kecintaan kepada negara itu bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata, atau hanya bersifat simbolik dengan cara kaedah menghormati simbol-simbol negara iaitu pemimpin, lagu, Lambang, bendera sepertimana seringkali di lakukan. Ianya lebih daripada itu, kecintaan kepada negara boleh diperlihatkan dengan pelbagai cara. Apa-apa sahaja yang kita lakukan demi untuk negara boleh sahaja dianggap sebagai patriotisme. Kepercayaan rakyat pula menggambarkan sejauh manakah pemerintahan negara mendapat kepercayaan daripada rakyat samada melalui kebijaksanaan memimpin dan mengurus Negara serta membangunkannya melalui slogan, gagasan mahupun wawasan tertentu yang serasi serta sehati dengan iltizam bangsa serta Negara itu. Pemerintah yang mendapat sokongan yang kuat daripada rakyat akan dapat melaksanakan tugas-tugas pemerintahan dengan lancar dan berkesan. Isu patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Atas rasa kecintaan yang tidak perlu dipertikaikan lagi kepada Bangsa, Agama dan Negara, ke arah menempatkan diri dalam kalangan yang cemerlang, gemilang dan terbilang, buku kecil



ini cuba sedaya-upaya untuk dihasilkan oleh penulis, agar sedikit-sebanyak pengetahuan dan perkongsian bistari sesama warga dapat direalisasikan. Ini juga setidak-tidaknya memperkemaskukuhkan lagi rasa jati diri sesama kita yang bernaung di bumi Malaysia sebagai menjiwai pepatah lama iaitu dimana bumi dipijak, di situ langit akan dijunjung. Mudah-mudahan akan terpengaruh kebenaran dari kenyataan itu dengan bersandarkan kepada bab-bab yang bakal ditemui oleh pembaca di dalam buku kecil ini.

Menulis untuk Insan, Menulis untuk Masyarakat, Menulis untuk Rakyat makanya buku kecil ini juga ditulis bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu yang dikira mampu untuk diangkat dalam wacana ilmiah merupakan topik-topik semasa yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum pelbagai peringkat yang menyintai dan kasih kepada Negara Malaysia. Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak diatas sokongan dan kerjasama samada secara langsung ataupun tidak, sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan dan mampu dimiliki oleh para pembaca.



Bibliografi

Almond, G. A. (1991). "Capitalism and Democracy", PS: Political Science & Politics, Sept.

Abdi Omar Shuriye. (2000). Introduction to Political Science: Islamic and Western Perspectives. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers.

Abdul Rashid Moten. (1993). "Politics: An Islamic Perspective," Intellectual Discourse, Vol. 1, October.

Abdul Rashid Moten & Syed Serajel Islam (2005), Introduction to Political Science. Kuala Lumpur: Thomson Learning.

Appadorai, A. (1968) The Substance of Politics, Madras: OUP.

Bachratz, P. and Baratz, M.S. (1962), "The Two Faces of Power", in American Political Science Review,.

_____(1970), Power and Poverty: Theory and Practice, New York: Oxford Univ. Press.

Ball, A.R. (1983) Modern Politics and Government, London: Macmillan Ltd.

Baradat, Leon P. (1979). Political Ideologies: Their Origins and Impact. Englewood Cliff, N.J, Prentice-Hall.

Barry, N.P (1981) An Introduction to Modern Political Theory, London: Macmillan

Cole, R.L. (1980). Introduction to Political Inquiry. New York: Macmillan Publishing Co. Inc.



Cox, A, et.al.,(1985) *Power in Capitalist Society: Theory, Explanation and Cases*, Sussex: Wheatsheaf Books Ltd

Who Governs? New Haven: Yale University Press.

Deutsch, K.W. (1974) *Politics and Government*, Boston: Houghton Mifflin.

Easton, D. (1958) "The Perception of Authority and Political Change", in *Authority*, (ed.) Carl V. Friedrich, Cambridge Mass.: Havard Univ. Press.

Ethridge, M.E. & Handelman, H.(2004). *Politics In A Changing World: A Comparative Introduction to Political Science*. Third Edition. Toronto: Wadsworth.

Evans, G. & Newnham, J. (1992). *The Dictionary of World Politics*. Harvester & Wheatsheaf: London.

Falbo, T. (1977),"The multidimensional scalling of power strategies", in *Journal of Personality and Sosial Psychology*.

Faruqi, I. (1989). *Islam dan Sains Sosial*, Bangi: Penerbit UKM

Faulks, K.(1999). *Political Sociology: A Critical Introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Galbraith, J.K. (1983)'*The Anatomy of Power*', Boston: Houghton Mifflin Co.

Gerth, H. And Mills, C. (eds) (1948), *From Max Weber: Essays in Sociology*, London: Routledge & Kegan Paul.

Grigsby, E.(2002). *Analyzing Politics: An Introduction to Political Science*. Second Edition. Belmont, CA: Wadsworth/ Thomson Learning.

Harris, P.B. (1976). *Foundations of Political Science*. London: Hutchinson.



- Jacobsohn, J.A. (1998). *An Introduction to Political Science*. Belmont, CA: Wadsworth/ Thomson Learning.
- Jayum A. Jawan. (2003). *Malaysian Politics and Government*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- K. Ramanathan. (2000). *Konsep Asas Politik*. Pulau Pinang: Alms Digital Enterprise.
- K. Ramanathan. (2003). *Asas Sains Politik*. Edisi Ketiga. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jamaluddin Kafie. 1987. *Islam, Agama dan Negara*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Laski, H.J. (1931) *An Introduction to Politics*, London: George Allen and Unwin.
- Laski, H. (1962), trans. *Pengantar Ilmu Politik*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lasswell, H.D. 1958. *Politics: Who Gets What, When, How*. Cleveland: Meridien Books.
- Lasswell, H. And Kaplan, A. (1961). *Power and Society*, New Haven: Yale Univ. Press.
- McClosky, H. (1968). "Political Participation" in David L. Sills, ed., *International Encyclopedia of the Social Sciences*, Vol. 12. New York: Macmillan Co. & Free Press.
- Mat Saat Abdul Rahman. (1984). *Perlembagaan Islam: Sumber dan Prinsip*. Bangi: Ikatan Studi Islam, UKM.
- Michels, R. (1959). *Political Parties*. New York: Dover.
- Miller, D. & Siedentop, L. (1994). *Politik Dalam Perspektif Pemikiran, Falsafah & Teori* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.



- Miriam Budiarto. (2003). *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Mohd. Foad Sakdan. (1997). *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mansoor Marican, *Dasar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (1994). *Persoalan Islam dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohamed Selim El-Awa. (1977). *On the Political System of Islamic State*. Indianapolis, Indiana: American Trust Publications.
- Mohd. Suffian Hahim, et.al. (1979) *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, Kuala Lumpur: Government Printers.
- Morgenthau, H.J. (1960). *Politics Among Nations*. New York: Knopf.
- Muhammad Asad. (1987). *Sebuah Tulisan Tentang Sistem Pemerintahan Islam (Terjemahan)*, Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Pengantar Politik Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- North, R.C. (1990). *War, Peace, Survival: Global Politics and Conceptual Synthesis*. Boulder, CO: Westview Press.
- Oakeshott, M (1967) *Rationalism in Politics and Other Essays*, London: Methuan.
- Odegard, P.H. (1966). *Political Power & Social Change*. New Jersey: Rutgers University Press.
- Parry, G. (1969). *Political Elites*, London: George Allen and Unwin.
- Pickles, D. (1984), trans. *Pengantar Ilmu Politik*, Kuala Lumpur: DBP.



- Ranney, A. (2001), *Governing: An Introduction to Political Science*, Eighth Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Robertson, D. (1993). *Dictionary of Politics*. Second Edition. London: Penguin Books.
- Rodee, C.C, et.al (1983) *Introduction to Political Science*, Tokyo; McGraw Hill.
- Roskin, M.G. et.al (2000), *Political Science: An Introduction* (7th edition), New Jersey: Prentice Hall.
- Sargent, L.T.(2003). *Contemporary Political Ideologies: A Comparative Analysis*. Toronto: Wadsworth/Thomson Learning.
- Schumpeter, J. (1950). *Capitalism, Socialism and Democracy*, New York: Harper Colophon.
- Scruton, R. (1983) *The Dictionary of Political Thoughts*, London: Penguin
- Sharifah Hayati Syed Ismail. (1994)."Pemikiran Politik: Perbandingan Asas Antara Islam dan Sekularisme Barat. "Dlm. *Jurnal Akademi Islam Universiti Malaya*, bil. III. (Kuala Lumpur: Akademi Islam University Malaya, Muharram 1415/ Jun 1994), hlm
- Syed Ahmad Hussein. (1994). *Pengantar Sains Politik*, Pulau Pinang/ Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Luar Kampus USM/ Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994,
- The New Columbia Encyclopedia*. (1975). Columbia University Press: New York,hlm. 1572
- Vincent, A.(1987) *Modern Political Ideologies*, Oxford: Blackwell
- Verney.D.R (1959). *The Analysis of Political Systems*, London: Rantledge & Kegan Paul.



Von Der Mehden. F.R, (1980). Politik Negara-Negara Membangun, (Terjemahan), Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Ward, B.(1959). Five Ideas That Changed the World, New York: W.W. Norton.

Wesson, R. (1985). Modern Government, Democracy and Authoritarianism, Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Wheare, K.C. (1951) Modern Constitutions, Oxford: OUP.

Wilber, C.K. & Jameson, K.P. (1995). The Political Economy of Development and Under-Development, McGraw-Hill: New York.

Wiles, P. (1982). The New Communist Third World, New York: St.Martin's Press. Wrong, D.H., (1979). Power, New York: Harper.

Wu Min Aun (1978) An Introduction to Malaysian Legal System, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Co.

Zainal Abidin Ahmad. (1977). Ilmu Politik Islam, Jil.1.Jakarta: Bulan Bintang



Biografi



Ku Hasnan Ku Halim (Pak Ku) merupakan Tenaga Akademik (*Pensyarah Kanan*) di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berasal daripada Teratak Beras Terbakar Kampung Raja Mukim Padang Matsirat Langkawi Kedah Darul Aman. Telah berkhidmat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia selama 21 Tahun. Daripada Pusat Pengajian Komunikasi dan

Kemanusiaan, Fakulti Sains Sastera dan Warisan, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan dan terkini di Pusat Pengajian Umum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berpengalaman di dalam bidang pendidikan selama hampir 21 tahun. Pernah berkhidmat sebagai Guru di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk Program Matrikulasi, Eksekutif Kanan di KUB-ROC Malaysia, Pensyarah di ITTAR , Tenaga Pengajar di Open University Malaysia (OUM) dan muktahir di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Terlibat aktif di dalam pelbagai program Patriotisme dan Kenegaraan, PLKN, Pengembangan Ilmu Kenegaraan, Hubungan Etnik, Tamadun serta Peradaban, Penghayatan Etika serta Peradaban Malaysia dan Kursus Integriti serta Anti Rasuah (KIAR).

Beliau menerima Anugerah Taat Setia pada tahun 2013 dan Anugerah Penerbitan daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada tahun 2014. Beliau juga telah menerima Anugerah Pengamal Media pada tahun 2017 serta Anugerah Bitara Kirana pada Tahun 2024 daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau turut disenaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Senarai Pakar Universiti



Awam di dalam Bidang Sains Politik. Merupakan graduan Sarjana di dalam bidang Sains Politik dan Sosiologi Politik selain merupakan calon Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di dalam kajian Sosiologi Politik.

Selain itu beliau juga pernah dilantik sebagai Penceramah bertauliah IIM (*Institut Integriti Malaysia*), Penceramah Program Transformasi Minda (PTM) untuk kakitangan Kerajaan/ Badan Berkanun/ PDRM- dan agak kerap juga menulis di akhbar-akhbar arus perdana di dalam isu bidang yang berkaitan. Sebelumnya pernah terbabit di dalam sekretariat Tenaga Penceramah Islam Hadhari dan berikutnya Sekretariat Gagasan 1 Malaysia di Majlis Keselamatan Negara (MKN) Cawangan Johor. Beliau juga mantan Tenaga Penggerak (SAHABAT) Penceramah di Biro Tatanegara (BTN) semenjak tahun 2004 sehingga 8 Mei 2018, sesekali muncul di kaca Televisyen seperti BERNAMA dan Astro Awani dan menjadi koresponden kepada beberapa akhbar berkaitan dengan isu Politik dan Negara Bangsa. Pernah dan masih dilantik sebagai Jurulatih, perujuk dan penceramah secara berkala kepada beberapa buah agensi seperti RISDA, KEMAS, PDRM dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Antara buku tulisan beliau secara berseorangan adalah Darjat Tidak Datang Bergolek, Bahtera Marhalah Bangsa, Metamorfosis Bangsa, Dimana Bumi Di Pijak Di Situ Langit Di Junjung, Di Bawah Kibaran 1 Bendera, Tegar Merdheka, Aksara Kenegaraan manakala secara kolaborasi adalah Buku Teks Kebangsaan Hubungan Etnik, Kepimpinan Gemilang UTHM, Koleksi Rencana Merdeka, Tun Hussein Onn; Permata Menara Gading, Katameneh Ideologi Komunis, Matlamat Tidak Menghalalkan Cara, Inovasi Sosial; Pemangkin Pembangunan Lestari dan Komuniti Mampan Tonggak Malaysia Madani.



Indeks

A

akhbar 49, 50
alam Melayu 104, 131
Asia Tenggara. 106, 110

B

Belanda 7
British 82, 111, 112, 138, 141

D

Demokrasi 51, 77

F

feudal 35, 36, 82, 91, 99, 100, 101,
102, 103, 104, 105, 106, 107,
108, 109, 111, 113, 115, 116, 117,
118, 119, 120, 121, 128, 131, 141

I

imperialis 65, 76

J

Jepun 31, 37, 76

K

kapitalis 69, 70, 141
karya 3, 105
kebudayaan 72, 76, 78, 79
ketuanan Melayu 137, 138, 141, 142

M

Malaya 48
masyarakat Melayu 51, 91, 104, 105,
107, 108, 109, 110, 111, 113, 114,
116, 117, 118, 119, 120, 121, 128,
131, 132, 133, 134, 135, 136,
142
Masyarakat Melayu 129, 130
monarki 22, 33, 36, 37, 42, 101, 102,
109, 112, 115

N

nasionalisme 38, 39, 64, 67, 78, 79,
97

O

orang Melayu 66, 104, 105, 107, 111,
112, 114, 115, 117, 118, 128, 136,
137, 138, 139, 140

P

parti politik 46, 47, 68, 74, 75, 92,
141
pembesar Melayu 103, 107
penulis 2, 3, 4, 5, 37, 49, 50, 105,
109
Perang Dunia Kedua 38, 70
perpaduan 11, 14, 66
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-
satu 33, 78
pidato 58



propaganda 69, 123

R

raja-raja Melayu 118, 119

republik 35, 42

Republik 75, 82

S

sosialis 67, 71, 72, 73, 74, 75, 82

Sosialis 76

status quo 45, 101, 105, 106, 138

suara rakyat 27

sultan 57, 91, 103, 104, 108, 109, 110,
111, 112, 113, 114, 117, 131, 132,
135

T

Tanah Melayu 103, 104, 105, 106,
107, 108, 111, 125, 138

U

UMNO 48, 114, 116, 117, 118, 120, 136,
137, 138, 139, 140, 151

W

warganegara 11, 14, 28, 54, 59, 82,
86, 141



Tegar NEGARA

MENGAJAR NARATIF SIAH dan BANGSA

Buku kecil ini mengetengahkan isu-isu penting berkaitan pembinaan bangsa, patriotisme dan semangat cintakan tanah air. Ia menekankan bahawa pembentukan negara yang kukuh tidak boleh dipaksakan, sebaliknya perlu diasaskan atas komitmen sukarela, kefahaman ideasional, serta prinsip keadilan seperti federalisme, autonomi dan perlindungan hak-hak minoriti. Penulis menolak konsep majoriti-minoriti dalam usaha membina bangsa yang kohesif. Patriotisme pula tidak seharusnya terhad kepada simbol semata-mata, sebaliknya harus dizahirkan melalui tindakan dan sumbangan nyata demi negara. Kepercayaan rakyat terhadap pemerintah juga menjadi teras kejayaan sesebuah negara. Buku ini ditulis dengan iltizam untuk berkongsi pengetahuan dan membangkitkan kesedaran dalam kalangan pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat. Ia sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan ilmiah bagi pelajar serta pencinta tanah air, demi menyemarakkan rasa jati diri dan semangat kebangsaan di bumi Malaysia tercinta.




ISBN 978-629-490-204-6



9 786294 902046

0 5 4 0 0



**PENERBIT
UTHM**

